

Bahagian A
(20 markah)

Soalan 1-16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Adam membaca buku di _____ bacaan sementara menunggu ayahnya datang.
A stor
B kantin
C padang
D pondok
2. Murid-murid diminta menggunakan _____ untuk mencari makna sesuatu perkataan.
A atlas
B majalah
C kamus
D risalah
3. _____ disambut oleh masyarakat iban di negeri Sarawak.
A Hari Natal
B Hari Gawai
C Thaipusam
D Vasakhi
4. Amina membeli sepasang baju kurung moden di _____ yang terkenal itu.
A Salon Rambut Maya
B Butik Khaleeda
C Kedai Buku Jasmin
D Kedai Kasut Jaya

5. "Bilakah _____ akan datang ke rumah saya?" tanya Dhamia kepada Farah.
A kamu
B kita
C saya
D kami
6. " _____ mahu masalah ini diselesaikan dengan segera,"titah Sultan Pahang.
A Aku
B Beta
C Patik
D Baginda
7. Encik Ismail membina se _____ rumah untuk ayahnya.
A biji
B buah
C bidang
D bentuk
8. Pak Kassim membelah kayu itu dengan se _____ kapak yang tajam.
A laras
B bilah
C batang
D bidang
9. Baju itu cantik _____ agak mahal harganya.
A yang
B untuk
C tetapi
D bahawa

10. Puan Lidya selamat melahirkan seorang bayi_____yang comel.
- A jejari
 - B lelaki
 - C tetamu
 - D kekabu
11. "Jangan menunggang basikal itu_____, " pesan ibu kepada Eiqram.
- A laju-laju
 - B kuat-kuat
 - C deras-deras
 - D pantas-pantas
12. Abang akan_____motosikal kesayangannya pada setiap minggu.
- A mencuci
 - B mengasah
 - C menjirus
 - D menyiram
13. Qaira hanya_____apabila ditegur oleh abangnya.
- A terjerit
 - B tersedar
 - C tersengih
 - D terganggu
14. Fareeza rajin mengemas bilik tidurnya agar bersih dan_____.
- A rimas
 - B resah
 - C geram
 - D selesa

15. Suara penyanyi remaja yang mendendangkan lagu Penawar Rindu itu
sungguh_____.
- A merdu
 - B serak
 - C sengau
 - D enak
16. Yazid hanya_____sahaja kerana dia bimbang bengkelnya yang penuh
dengan kereta pelanggan dimasuki pencuri.
- A kaki ayam
 - B cakar ayam
 - C ayam tambatan
 - D tidur-tidur ayam

Soalan 17- 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan –soalan yang berikutnya.

Telur Omega 3 mengandungi khasiat lima kali ganda berbanding telur biasa. Ia juga mempunyai jumlah kolestrol yang rendah berbanding telur biasa. Telur ini mengandungi asid lemak omega 3 , vitamin E, vitamin A dan vitamin D. Vitamin ini secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko penyakit jantung, tekanan darah tinggi, strok, dan penyakit barah.

Harga telur Omega 3 lebih mahal berbanding telur biasa. Saiznya agak besar. Telur Omega ini juga boleh membantu meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan otak, sistem saraf dan tisu-tisu mata (retina).Bak kata pepatah alah membeli menang memakai. Walaupun harganya lebih mahal sedikit tetapi ia amat baik untuk kesihatan kita sekeluarga. Pada masa kini, orang ramai sudah mula mementingkan pemakanan sihat dan seimbang.

Kerajaan telah menggalakkan rakyat agar sentiasa menjaga pemakanan untuk menjamin kesihatan yang baik.

17. Apakah kelebihan telur Omega 3?
- A kerana saiznya
 - B kerana harganya mahal
 - C kerana kuantitinya banyak
 - D kerana ia mempunyai banyak khasiat
18. Vitamin-vitamin ini terkandung dalam telur Omega 3, kecuali
- A vitamin A dan E
 - B vitamin D dan E
 - C vitamin B dan C
 - D vitamin A dan D
19. Telur merupakan makanan yang tergolong dalam kumpulan
- A serat
 - B protein
 - C mineral
 - D karbohidrat
20. Apakah akibat kepada tubuh badan jika kita memakan makanan yang mempunyai kandungan kolesterol tinggi?
- A tulang kita mudah reput
 - B badan kita menjadi lemah
 - C sering mengalami sakit kepala
 - D mudah mendapat pelbagai penyakit

SULIT
BAHASA MELAYU
PEMAHAMAN
1 ¼ jam